



Kenyataan Media

CYBERJAYA

27 Jun 2023

STRUKTUR BANGUNAN PEDi FELDA PALONG 11 DI JEMPOL, NEGERI SEMBILAN ROSAK TERUK AKIBAT RIBUT: KERJA BAIK PULIH AKAN DIJALANKAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan bahawa Pusat Ekonomi Digital (PEDi) FELDA Palong 11, di daerah Jempol, Negeri Sembilan yang dikendalikan oleh Telekom Malaysia mengalami kerosakan teruk susulan bencana ribut yang melanda kawasan berkenaan pada petang kelmarin.

MCMC amat bersimpati dengan musibah yang melanda dan berharap agar individu yang terkesan tabah menghadapi dugaan tersebut. MCMC telah dimaklumkan dua (2) orang individu termasuk seorang wanita dewasa dan seorang kanak-kanak mengalami cedera ringan dan telah dihantar ke klinik kesihatan untuk menjalani pemeriksaan perubatan. Terdapat 15 orang individu termasuk petugas dan komuniti PEDi berada di dalam PEDi berkenaan untuk menjalani kelas latihan kemahiran ketika kejadian ribut itu melanda. 13 daripada mereka tidak mengalami kecederaan.

Dalam pada itu, hasil tinjauan yang dijalankan mendapati, struktur bangunan, atap, siling, lantai serta kelengkapan perkakasan dan perisian di dalam bangunan berkenaan mengalami kerosakan akibat bencana ribut. Pihak Telekom Malaysia telah diarahkan untuk memberi laporan penuh mengenai kerosakan akibat bencana ribut yang melanda PEDi FELDA Palong 11 kepada MCMC.



BEGINILAH keadaan kerosakan pada premis PEDi FELDA Palong 11 akibat ribut yang melanda petang Ahad lalu. Ketua Pegawai Kawal Selia MCMC, Zulkarnain Mohd Yasin (dua dari kanan) bersama-sama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Palong, YB Tuan Hj. Mustapha Nagoor (kiri sekali), ADUN Serting, YB Dato' Hj. Shamshulkahar Hj. Mohd. Deli (dua dari kiri) dan Pengarah Negeri, MCMC Negeri Sembilan, Mohd Kharilnaim Osman hadir untuk mendengar taklimat mengenai keadaan PEDi FELDA Palong 11.

Kerja baik pulih akan dijalankan segera apabila nilai kerosakan PEDi berkenaan dapat dikenal pasti. PEDi FELDA Palong 11 ditutup buat sementara waktu manakala komuniti setempat yang ingin menggunakan perkhidmatan Internet boleh berbuat demikian di PEDi FELDA Palong 5 yang berhampiran.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV